



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL. 8/2025

MENTERI KEWANGAN telah menetapkan layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan berikut **berkuat kuasa 1 Julai 2025** iaitu –

PERKHIDMATAN SEWAAN ATAU PAJAKAN

Kumpulan K, Jadual Pertama
Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018

BIL	PERKARA	LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN
1.	Layanan cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan sewaan atau pajakan ke atas aset ketara yang terletak di dalam Malaysia.	Penyewaan aset ketara yang berada <u>di dalam</u> lingkungan 12 batu nautika dari garis pangkal yang diukur mengikut kaedah yang ditetapkan di bawah Konvensyen Undang-Undang Laut 1982 (UNCLOS) adalah tertakluk kepada kenaan cukai perkhidmatan .
2.	Layanan cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan sewaan atau pajakan ke atas aset ketara yang terletak di luar Malaysia.	Penyewaan aset ketara yang berada <u>di luar</u> lingkungan 12 batu nautika dari garis pangkal yang diukur mengikut kaedah yang ditetapkan di bawah Konvensyen Undang-Undang Laut 1982 (UNCLOS) adalah tidak tertakluk kepada kenaan cukai perkhidmatan .

Penafian:

Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI IBU PEJABAT
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA